**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**KHAMIS 23 FEBRUARI 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | PROGRAM SMART SBB MAMPU CAPAI SASARAN, LOKAL, HM -16<br>MAT SABU: SMART SBB AIMS BOOSTING FARMER CROPPING VOLUME BY 180 PER CENT, NATION, KWONG WAH YIT POH -A16a<br>MAT SABU: LOCAL PRODUCED EGG SUFFICIENT TO MARKET, NATION, SIN CHEW DAILY -7 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 4. | GOVT SHALL REGULATE ON PORK PRICE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A14 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5.<br><br>6. | 45 NELAYAN VIETNAM CEROBOH NEGARA DIDENDA RM3.92 JUTA, NEGARA, KOSMO -9<br>NOT MANY PEOPLE USE FISHERIES DEPT JETTY DUE TO ICONVENIENT LOCATION, CENTRAL SARAWAK, SEE HUA DAILY NEWS -A3 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7.<br><br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br><br>16.<br>17.<br>18.<br>19. | HOPE S'WAK RECEIVE MORE FUNDING, RESOURCES TO DEVELOP AGRICULTURAL SECTOR, CENTRAL SARAWAK, SEE HUA DAILY NEWS -A4<br>'PADI SCHEME CAN ACHIEVE NATIONAL SELF-SUFFICIENCY', NEWS, THE SUN -2<br>CHICKEN AND EGG QUESTION, NATION, THE STAR -4<br>DRY SPELL LOOMS IN THE NORTH, NATION, THE STAR -5<br>TAKE EGG-TRA CARE TO ENSURE STEADY SUPPLY, NATION, THE STAR -9<br>WILTING IN THE HEAT, MUKA DEPAN, THE STAR -1<br>VETEREN TANAM TIMUN JANA PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -16<br>UTAMAKAN KETERJAMINAN MAKANAN, DALAM NEGERI, UM -5<br>TUMPU AGENDA HIJAU ANTARA STRATEGI JAMIN SEKURITI MAKANAN, KOMENTAR, BH -11<br>KEBUN BANDAR DISIPLINKAN MURID, NEGERI, SH -26<br>LADANG VANILLA PINTAR, K2, KOSMO -19<br>LADANG VANILLA DENGAN TEKNOLOGI PERTANIAN 4.0, K2, KOSMO -20<br>SERONOK TIMBA PENGALAMAN KERJA DI LADANG SOFISTIKATED, K2, KOSMO -21 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/2/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

# Program Smart SBB mampu capai sasaran

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang diusahakan 5,000 peserta kini mencapai kawasan tanaman seluas 11,000 hektar daripada 150,000 hektar yang disasarkan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu ***(gambar)*** berkata, projek yang dilaksanakan pada Februari 2021 itu menyasarkan purata pengeluaran hasil sebanyak tujuh tan metrik sehektar.

"Kalau semua kawasan sawah mencapai enam tan metrik per hektar, kita mampu mencapai Tahap Sara Diri (SSL) beras negara iaitu 75 peratus, kita mampu sampai ke peringkat kecukupan tanpa perlu import.

"Tahap kita sekarang belum sampai ke tahap SSL dengan sasaran pelaksanaan kawasan tanaman seluas 150,000 hektar, tetapi sekarang yang dapat diusahakan hanya 11,000 hektar membabitkan 5,000 peserta program dengan purata pengeluaran hasil tujuh tan metrik per hektar.

"Namun dengan sambutan penyertaan pesawah yang semakin memberangsangkan dan peningkatan hasil yang diperoleh pesawah mencapai 180 peratus, ia jelas menunjukkan pelaksanaan program ini berada pada landasan betul dan mampu mencapai semua sasaran digariskan," katanya pada Waktu Pertanyaan Bagi Lisan di Dewan Rakyat, semalam.



Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (Kubang Kerian-PN)** berkaitan status terkini program Smart SBB.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kerajaan giat melaksanakan pelbagai pendekatan termasuk penggunaan *Smart Farming* dan pengenalan baja organik untuk meningkatkan hasil pengeluaran.

"Kalau kita pergi (guna) *Smart Farming* dalam segala bidang termasuk Smart SBB ini, dalam jangka panjang kita berusaha (mampu) mencapai kecukupan SSL beras Malaysia ini.

"Usaha juga dibuat terutama standard pencapaian hasil kalau dapat disamaratakan seperti di Sekinchan, maka kita akan sampai sasaran SSL untuk beberapa tahun akan datang.

"Ini termasuk penggunaan baja organik yang diperkenalkan sekarang, ia dapat menambah lagi hasil nyata sekarang," katanya.

Menjawab soalan tambahan Tuan Ibrahim, katanya, kerajaan juga mengalu-alukan penyertaan pihak berkuasa agama negeri seperti dilakukan Lembaga Zakat Kedah dalam membiayai projek ini untuk dimanfaatkan asnaf.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu : Smart SBB aims boosting farmer cropping volume by 180 per cent | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 23 Feb 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A16a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 74 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 348 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,043 |



## 末沙布：智能稻田计划助自供自足

# 稻农收成提高至180%

（吉隆坡22日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，大规模智能稻田计划（Smart SBB）将帮助我国在未来数年达到白米自供自足水平（SSL）的目标。



莫哈末沙布。

他指出，迄今27家公司在此计划中合作，涵括各官联公司、稻农合作社及私人企业，涉及全国超过1万1000公顷土地面积，参与者达约5000人。

他说："随着稻农参与率越来越令人鼓舞，他们的收成也提高至180%，这清楚显示此计划的执行方面处于正轨，能达到所规划的所有目标。"

"必须一直努力改变肥料的形式，尤其是当目前推崇（使用）有机肥料，并用于增加我们如今看到的显著收成。"

他今日在国会下议院会议，回答伊斯兰党古邦阁亮区国会议员拿督斯里端依布拉欣的提问时，这么说。

端依布拉欣询问农业部，有关大规模智能稻田计划的最新进展。

莫哈末沙布说，政府在2021年2月推出这项计划，目标是在15万公顷种植区，取得每公顷稻米产量平均7公吨。

他指出，此计划协助我国的白米自供自足水平在2025年达到75%，并在2030年达到80%。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu : Local produced egg sufficient to market | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 23 Feb 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 7 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 261 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,778 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,334 |





←部长们陆续为各自的部门进行总结，其中不少国会议员参与提问，包括周三晚在部门总结时提问的议员魏家祥（右起）、赛沙迪和郭素沁。（魏家祥脸书）



←末沙布强调，从外国进口鸡蛋解决鸡蛋短缺只是暂时性的措施，在有关合约到期后，市场有足够的本地鸡蛋供应。

# 末沙布：進口合約到期後
# 本地蛋可足供應市場

（吉隆坡22日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布强调，从外国进口鸡蛋解决鸡蛋短缺只是暂时性的措施，在有关合约到期后，市场有足够的本地鸡蛋供应。

他说，政府津贴鸡蛋农将持续至今年6月，在6月后将会探讨是否继续津贴蛋农或采用其他方式来稳定鸡蛋价格。

他说，进口鸡蛋只是在鸡蛋短缺在严峻的情况下所采取的暂时性措施，放眼合约到期后市场恢复本地鸡蛋的供应。

“目前，我们正在与雪兰莪的鸡农和蛋农展开对话，我也会去其他州属。”

他说，在与蛋农会面后，获悉蛋农面对劳工短缺的问题。

“因此，政府在今年1月至3月采取的措施是简化劳工的引进，增加包括鸡农在内领域的员工人数，员工短缺的问题逐渐改善，放眼今年6月情况转好。”

## 魏家祥在国会展示3款蛋

他为国家元首御词辩论进行部门总结，回答马华亚依淡区国会议员魏家祥询问根据统计局数据，生产鸡蛋成本是45仙，但是管制后的价格少于该成本而让蛋农面对亏损，应由谁承担有关亏损时，如是指出。

与此同时，魏家祥也在国会下议院向现场的国会议员展示3粒分别是来自印度的进口蛋、本地蛋和Omega蛋。

他在莫哈末沙布进行部门总结时打岔，并出示手中他用50仙购买的印度鸡蛋，同时他也展示另外用45仙购买的本地鸡蛋，指该鸡蛋价是受控的。

“看看鸡蛋的尺寸，我们可以看到印度的鸡蛋价格50仙，比本地的鸡蛋还小，这是它的缺点，Omega鸡蛋，甘榜鸡蛋的价格是76仙，有钱人可以买。”

他一边手举鸡蛋一边说，问题是政府应采取帮助中小企业的措施，尤其是需要做糕点售卖的巫裔贩商，以尽快解决鸡蛋课题，确保在斋戒月和开斋节期间不会发生鸡蛋短缺的问题。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt shall regulate on pork price | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 23 Feb 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A14 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 365 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,765 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,295 |



南洋社论

# 政府应管制猪肉价格

最近猪肉价格持续上涨的课题再度在民间引起关注。生猪价格在农历新年前及农历新年后连续两次上涨，每100公斤调涨200令吉，从新年前的每100公斤1410令吉，涨至目前的1610令吉。

零售价方面，猪肉价格每公斤上涨2令吉，新年前后两次调涨价格，不到一个月的时间，猪肉零售价上涨了4令吉，令许多消费者大喊吃不消。

根据柔佛州古来公共巴刹猪肉零售价的价格，目前的售价是花肉每公斤40令吉、排骨每公斤30令吉、腿肉每公斤28令吉及瘦肉每公斤30令吉。

## 熟食酝酿涨价

随着猪肉价格连续上涨，引起的连锁效应是与猪肉相关的熟食及食品也开始酝酿调涨价格。其中首当其冲的肉包价格及肉骨茶价格开始酝酿涨价。

目前在柔佛州柔南一带的大包价格介于4令吉20仙至4令吉70仙。由于猪肉价格上升，推高大包的成本，肉包的供应商已经酝酿将价格调涨至每个5令吉。其实有些餐馆在农历新年之前，已经将肉包调涨至5令吉一个。而与猪肉相关的传统点心如港式点心，每一笼也酝酿将价格调涨至5令吉。

另一方面，以猪肉为主要食材的肉骨茶也因为成本连续上涨，调涨价格相信是势不可免。

雪兰莪州巴生的一些肉骨茶业者指出，由于猪肉价格连续飙涨，业者在无法吸纳成本的情况下，只好跟着调涨价格。

肉骨茶在去年调涨了4令吉，如今一碗肉骨茶涨至15令吉，瓦煲肉骨茶则调涨至16令吉。

由此可见，猪肉价格连续上涨，对华裔社群的日常生活造成的影响是很大的。这意味着，有吃早茶习惯的华裔民众，负担加重许多，一些经济能力不强的民众，可能连吃个早餐的选择也不多了。

猪肉价格上涨，猪肉贩也面对更大的压力，因为价格太高，肯定会影响销量，一些民众只好吃少一点，选择其他受管制的肉类如鸡肉等。一些猪肉贩面对销量下跌至少20%至30%。

## 小贩进退两难

以猪肉为主要食材的熟食小贩同样面对进退两难的窘境，一方面成本上升，开销增加，另一方面却不敢随意涨价。

许多受访的熟食小贩纷纷表示，猪肉价格连续上涨，但是他们却不敢连续调涨价格，担心吓跑顾客。毕竟熟食业面对竞争激烈，目前市面上的熟食食品选择太多，如果将成本转嫁给顾客，最终只会逼走顾客。

我们认为，猪肉价格连续上涨的连锁效应对非回教徒群体的影响相当大，加重人民的生活负担。

农业及粮食安全部及国内贸易及生活成本部必要时应该介入了解猪肉价格上涨的根本原因，寻找妥善的方案降低饲料成本等因素。

在鉴定生猪价格上涨的根本原因后，政府应该在合理的范围及不损害猪农利益的情况下，管制猪肉价格。

就像为鸡肉及鸡蛋设立顶价一样，对猪肉价格实施管制，避免让价格无限制上涨，以致民众的负担一再加重。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | KOSMO | NEGARA | 9 |



SEBAHAGIAN nelayan Vietnam didenda kerana menceroboh perairan negara oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

# 45 nelayan Vietnam ceroboh negara didenda RM3.92 juta

**KUALA TERENGGANU** – Seramai 45 nelayan Vietnam dihukum denda berjumlah RM3.92 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, kerana menceroboh perairan negara tahun lalu.

Hakim Noriah Osman memerintahkan demikian selepas lima tekong dan 40 awak-awak itu membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibacakan terhadap mereka.

Mahkamah memerintahkan setiap warga asing itu menjalani hukuman penjara selama empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Selain itu, mahkamah juga mengarahkan empat daripada lima bot nelayan Vietnam serta bekalan diesel bernilai RM6 juta dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Berdasarkan pertuduhan, kesemua mereka didakwa menceroboh perairan negara pada tahun lalu untuk menangkap ikan secara haram pada kedudukan kira-kira 59 dan 135 batu nautika tenggara Kuala Terengganu.

Lima bot yang dinaiki tertuduh berjaya ditahan Kapal Maritim (KM) Gemia dan KM Pekan milik Maritim Malaysia.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM6 juta membabitkan tekong dan RM600,000 bagi awak-awak jika sabit kesalahan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Not many people use Fisheries Dept jetty due to inconvenient location | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News | | |
| Date | 23 Feb 2023 | Color | Black/white |
| Section | Central Sarawak | Circulation | 63,549 |
| Page No | A3 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 394 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,209 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,626 |



## 砂漁業局碼頭

# 交通不便乏人問津

（本报古晋22日讯）基于路途遥远、交通不便导致运费成本提高等因素，位于丹绒首哥的砂渔业局（LKIM）码头虽然具有完善的现代化设备，但却乏人问津，并让渔民与渔船，以及鱼贩与鱼商们对它又爱又恨。

实旦宾区国会议员张健仁是在昨日陪同联邦农业及粮食安全部副部长陈泓缣前往巡视位于丹绒首哥的砂渔业局码头后，於今日透过文告如是表示。

他说明，该码头距离古晋市中心和生鲜市场的路途，可说相当遥远。

"即使是在交通顺畅的情况下，渔船的鱼获海产也需要经过1个小时左右的车程，才能顺利从码头'出货'送往临近的古晋市区及生鲜市场进行贩售。"

他不排除，有关因素可能导致许多渔民对该码头"兴致缺缺"，并造成该码头的渔船着陆卸货率不尽理想。

"更甚的是，有关码头前往古晋市区及生鲜市场的必经之路，还偏偏就是身为古晋'塞车热点区'的三马拉汉大道。适逢政府正在当地进行交通岛改建红绿灯的提升工程，所以一旦遇到塞车的高峰时段，载送渔获的车辆预计可能将需要耗费数小时塞在车龙当中。"

他续称，渔获海鲜是"易臭坏"食材，且不耐高温，需要长时间冷藏。

"即使货车设有利於保鲜的冷藏柜，但在货车走走停停的情况下，冷藏柜的冷度也可能因为货车不在行驶状态中而或多或少出现改变，进而对渔产海鲜的保鲜带来一定的影响。况且，停停走走的车程，还将增加渔民的汽油成本。"

他说，在该前提下，渔民或渔船担心透过该码头进行卸货，还将导致运输费用提高，并加重了生意成本。

"羊毛出在羊身上，如果相关成本最终转嫁到消费者身上的话，那在当前通货膨胀、百物价格上涨之际，消费者肯定会三思，从而减少海产方面的消费，并因此带来不容小觑的连锁反应。"

他为此感慨说道，原本一座基於良好出发点而兴建，且设备完善的码头，却碍于地点偏远，反而造成许多渔民、渔船，甚至渔贩和渔商的极大不便。

### 興建大橋縮短車程

无论如何，他欣喜看见，政府当局已计划在甘榜丹绒首哥的砂渔业局附近兴建一座大桥，以连接到依斯慕（Isthmus）和古晋婆罗洲会议中心一带。

"当该拟议中的大桥工程如期竣工并通车之后，该码头距离市区和市场的车程，预计可缩短至20分钟。"

他相信，相关新桥一旦启用，就将能吸引更多渔民及渔船选择使用该位于丹绒首哥的砂渔业局码头来卸载渔获海产，也同时吸引更多鱼贩及鱼商前往该码头采购鱼获海产并运载到市场进行售卖。

有鉴于此，他希望政府当局能够加快落成相关的大桥计划，以从中造福渔民、渔船、鱼商及鱼贩，并让相关码头能够获得更好的使用。

另一方面，张健仁透露，根据官员们昨日在汇报时透露的讯息，该码头的设立，是为了取代原本位于民达华靠近古晋水闸后方的残旧码头，并提供具有全新现代化完善装备的新码头予渔民及渔船使用。

"丹绒首哥的砂渔业局码头工程，是在2014年7月22日至2017年7月22日期间进行，该建筑成本为2亿4783万6204令吉02仙，且占地面积达42.41英亩的码头，是于2017年8月1日起开始投入运作。"

他称，有关官员还透露，该码头当前的年渔获卸载量达6万4800公吨。

"在2022年，该码头共吸引53艘渔船着陆，但当中重量达1182公吨的渔获卸载量，却仍大幅度低于该局去年所放眼的80艘/4000公吨之目标。"

他也从中了解到，有关码头所面对的课题及挑战，包括了渔船着落卸货率未获得最大化使用；冰厂设施尚未投入运作；设施未全面获得使用；执法行动减少及码头泥沙堆积等。



砂实旦宾区国会议员张健仁（左2）陪同联邦农业及粮食安全部副部长陈泓缣（右）及一众官员们听取砂渔业局总监拉希玛（左）讲解砂渔业发展局码头之质量研究室的运作情况。



►位于丹绒首哥的砂渔业局码头，虽然宏伟壮观，且设备新颖现代化，但却未能取得理想的着陆卸货率。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Hope S`wak receive more funding, resources to develop agricultural sector | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News | | |
| Date | 23 Feb 2023 | Color | Black/white |
| Section | Central Sarawak | Circulation | 63,549 |
| Page No | A4 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 448 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,512 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 7,535 |





陈泓缣（右3）在张健仁（右）等人的陪同下，赠送纪念品给伦迪（中）。

## 張健仁：發展農業領域

# 盼砂獲更多撥款資源



实旦宾区国会议员张健仁（左4）昨日随同联邦农业及粮食安全部副部长陈泓缣（左2）前往砂州议会礼貌拜会砂农业现代化和区域发展部长拿督斯里史迪芬伦迪（左1）进行交流前合影。

（古晋22日讯）实旦宾区国会议员张健仁强调，身为砂拉越子民，他也希望在全新的政治格局下，新政府能下放更多拨款和资源给砂拉越。

与此同时，他也希望在秉持良好的施政下，砂拉越继续与新政府携手妥善发展砂拉越的农业领域。

他昨日随同联邦农业及粮食安全部副部长陈泓缣前往砂州议会礼貌拜会砂农业现代化和区域发展部长拿督斯里史迪芬伦迪后，发文告时，如是表示。

他说，今日双方就联邦政府和州政府可以如何进一步加强合作进行了富有成效的讨论，以期为砂拉越乃至整个马来西亚的农业领域谋取更好的发展。

"身为砂拉越子民，我当然也希望在我国全新的政治格局下，新政府能下放更多拨款和资源给砂拉越，并在秉持良好的施政下，妥善发展砂拉越的农业领域！"

张健仁称，在双方 的交流会上，伦迪也提出砂拉越面对的问题，有些是过去国阵执政60年留下的诟病，而农业事项是砂拉越向来的自主权，当时身在国阵的砂拉越部长却没有极力为砂拉越极力争取，以致砂拉越的农业发展停滞不前。

因此，随着新政府的成立，张健仁希望过去的就让它过去，现在重新开始，并冀望在安华主导的全民团结政府，砂拉越与联邦政府的合作可以进一步深厚，双方共同努力发展砂拉越乃至整个马来西亚的农业领域。



张健仁（中）与伦迪（左）及陈泓缣（右）交流甚欢，大家有说有笑。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | THE SUN | NEWS | 2 |

# 'Padi scheme can achieve national self-sufficiency'

**KUALA LUMPUR:** The implementation of the Large-Scale Smart Padi Field programme will be able to help the country achieve its self-sufficient level (SSL) target for padi production in the next few years, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He added that to date, 27 organisations comprising government-linked companies, padi farmer cooperatives and private companies are working in collaboration to cultivate padi on more than 11,000ha of land nationwide with the involvement of about 5,000 project participants.

"With the increasing and encouraging response from farmers and the padi yield increasing by up to 180%, it clearly shows that the programme is on the right track and will be able to achieve all the targets that have been outlined.

"We need to keep changing the types of fertilisers, especially organic fertilisers, that are now being introduced and used to improve crop yields that are happening now," he said in response to a question from Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Kubang Kerian) in Parliament, who questioned the status of the programme.

Mohamad said the programme was introduced by the government in February 2021 to develop padi cultivation, with a target of 150,000ha per season to produce an average yield of seven tonnes per hectare.

The programme is aimed at helping to achieve the national rice SSL target set at 75% by 2025 and 80% by 2030. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | THE STAR | NATION | 4 |


# Chicken and egg question

## Many worry about impact of price float after June

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** While industry players have lauded the government's proposal to float the price of eggs and chicken after June, consumer groups are worried about the impact on lower income earners.

Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Wira Ameer Ali Mydin said floating the price of eggs and chicken would ensure there is enough supply in the market.

"When prices are floated, there will be more supply so automatically prices will drop.

"For the industry and businesses, we are more than happy that the government is listening to our views," he said when contacted.

While the government intends to lift the ceiling price on chicken and eggs after June, Ameer Ali suggested that it can be done as early as May after the first week of Hari Raya Aidilfitri.

"Floating the price starting from May 7 or 15 would be better as most people would have held Hari Raya open houses," he said.

On Tuesday, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the price of chicken and eggs is expected to be floated after June as part of the government's efforts to overcome food shortage.

He also expressed confidence that his ministry would be able to fulfil the demand for chicken and eggs through price floating, adding that even now, there has been enough to meet the market demand.

Ameer Ali, however, said currently, there is not enough supply of chicken and eggs in the market.

He called upon the minister to make surprise visits to hypermarkets and wet markets to check on the supply.

"In my opinion, there is not enough supply at present," he said.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia adviser Datuk Jeffrey Ng said they welcome the proposal to float the price of eggs and chicken.

"Price control of both items is not very fair to producers," he said.

However, should the price be floated, Ng said it would need to benefit both consumers and producers.

"We need to make the whole supply chain a healthy scenario to benefit all parties.

"No one should be given advantages, including wholesalers, then only will we have a fair market," he added.

Consumers Association of Penang president Mohideen Abdul Kadeer questioned if the government would be providing direct subsidies for those in the B40 and the lower M40 categories after floating the price.

"Floating the price will impact both groups.

"However, it will be less if the government directs the RM1.8bil savings from subsidies to farmers and those in the B40 and lower M40 groups," he said.

He also said subsidies should directly benefit consumers.

On the timing after June, Mohideen said it would be enough for the government to prepare the groundwork.


Wee: Resolve egg shortage before Ramadan
**See page 9**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | THE STAR | NATION | 5 |

# Dry spell looms in the north

## Padi farmers advised to prepare for possible drought



**Saving the crop:** Farmer Peh Peng Tong positioning a hose to pump water from a irrigation canal into a partially dried-up padi field at Simpang Empat Kuar near Alor Janggus in Alor Setar. – GC TAN/The Star

**ALOR SETAR:** With the hot and dry spell making a return, the three northern states are now experiencing scorching heat as high as 32°C, mainly due to the La Nina weather pattern.

Padi farmers in Kedah have been told to prepare for the worst as there could be a drought, which would affect rice fields' irrigation and drainage system.

State agriculture committee chairman Datuk Azman Nasrudin said the optimum temperature for padi planting is between 24°C and 34°C, with accumulated rainfall of more than 2,000mm a year.

"According to the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), temperatures above 34°C will reduce the yield.

"Every increase of 1°C would reduce the yield potential of 9% to 10%, especially during the stage of flowering and the filling of the rice seeds," he said in a statement.

Azman added that the drought could disrupt the process of nutrient intake, water and photosynthesis, which would in turn cause a significant decrease in rice yield.

He said padi crops that were exposed to drought would show early symptoms such as poor seed germination and limited seedling growth.

Azman said based on simulation research using the Decision Support System for Agrotechnology Transfer 4.1 (DSSAT 4.1) by Mardi at Muda Agricultural Development Authority (Mada) areas, an increase of 2°C would cause a decrease of yield from five tonnes to four tonnes per hectare.

Farmer Mohd Hanif Darus, 36, said the planting season at his farm in Kampung Sedaka was going well despite the heat and occasional.

"We are now waiting for the harvesting season in early March and hope that the dry season will not worsen," he said.

Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) director-general Muhammad Helmi Abdullah said the current hot and dry spell, especially in the northern parts of the peninsula, was not due to El Nino.

"It is the normal La Nina hot weather, which happens in February and March.

"This situation occurs because at this point, the position of the low-pressure area is away from the north of the peninsula, causing moisture to be more concentrated in the south of the peninsula, Sarawak and Sabah.

"Therefore, it is normal for the surface temperature to rise when it does not rain for several days in an area," he told *The Star*.

He added that based on observations of the daily maximum temperature at meteorological stations throughout Malaysia up to Feb 21, the highest daily temperature was 36°C, recorded in Hulu Perak on Feb 18.

"Rainfall is more concentrated in the south of the peninsula as well as Sabah and Sarawak.

"Hence, the temperature is a bit high in the north of the peninsula compared to other areas in the country," he said.

La Nina refers to the periodic cooling of sea-surface temperatures across the east-central equatorial Pacific, while El Nino refers to the above-average sea-surface temperatures that periodically develop across the east-central equatorial Pacific.

It represents the warm phase of the Enso (El Nino-Southern Oscillation) cycle.

Meanwhile, Penang Water Supply Corporation chief executive officer K. Patmanathan urged the public to conserve water during the hot spell.

"Use water wisely. Wash your car or motorcycle less often, and use a bucket and sponge if you have do so.

"Instead of using a hose to water the plants in your garden, use a watering can," he said.

As at Feb 21, the effective capacity for the Ayer Itam dam was at 77.3%, Teluk Bahang dam at 60% and Mengkuang dam at 88.4%.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | THE STAR | NATION | 9 |

# Take eggs-tra care to ensure steady supply

THERE could be more criticisms against the government if the egg shortage issue isn't solved ahead of Ramadan and Hari Raya Aidilfitri, says Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam).

He pointed out that local egg farmers are bearing losses due to the implementation of ceiling prices, adding that the prices of chicken and eggs are only expected to be floated after June 30 this year, as recently announced.

"The issue will persist. With Ramadan and Hari Raya Aidilfitri approaching in the coming months, we don't want the government to be criticised if there is a shortage in the supply of eggs," said Dr Wee.

Ramadan will begin in mid-March and Hari Raya Aidilfitri in late April.

Dr Wee spoke after interjecting Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu's winding up speech in Parliament yesterday.

The MCA president then brought out three different eggs – one from India, a locally produced regular egg and an Omega egg.

"We can see the difference in size. This egg from India costs 50 sen, which is much smaller than the Malaysian eggs. For Omega eggs, it costs 76 sen," said Dr Wee.

Dr Wee then asked if a subsidy of 10 sen will be given for each egg.

"The Statistics Department stated that egg production costs 45 sen per egg. Until June this year, who will bear the losses?" asked Dr Wee.

In response, Mohamad Sabu said the government is still providing a 10-sen subsidy for each egg until June this year, and a study is to be done after that.

"Imported eggs are just a temporary measure and we want to ensure local egg supplies are adequate," said Mohamad.

Currently, imported eggs from India are being sold at 50 sen each and local eggs are being sold at 41 sen for Grade C, 43 sen for Grade B, and 45 sen for Grade A each due to price controls.

Dr Wee previously pointed out that many local egg farmers are suffering losses as production costs are higher than the controlled prices.

On a separate matter, Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi assured Dr Wee that the proposed widening of the North-South Expressway from Yong Peng to Johor Baru will not result in higher toll charges.

"If the expansion is to be funded by the government, it will not incur any cost on the concessionaire (PLUS Expressways Berhad). This means that no additional toll charges will be imposed on road users," he said.

Dr Wee had asked when the proposed project to widen the highway from four lanes to six lanes would begin, in light of the severe traffic congestion which happens during weekends and holidays.

Nanta told Dr Wee that the proposed project would be carried out in phases involving the Yong Peng Utara-Senai and Senai-Sedenak routes.

He said the proposed project would cost RM525mil under the 12th Malaysia Plan.

Nanta said that approval for the allocation for the project is subject to priority and financial status of the government under Budget 2023.

Dr Wee noted the importance of the project to ensure continued development in Johor state.



**No clucking around:** Dr Wee holding up an egg in Parliament. — Screencap from Dr Wee's Facebook

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/2/2023 | THE STAR | MUKA DEPAN | 1 |

# Wilting in the heat

The hot weather is spelling trouble for the agriculture sector in three northern states, with padi farmers preparing for the worst as the dry season looms. Malaysians have also been urged to be careful with water usage. **> See page 5 for report by IMRAN HILMY**



Photo: LIM BENG TATT/The Star

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |


# Veteran tanam timun jana pendapatan

**HULU TERENGGANU** – Inisiatif Koperasi Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) Cawangan Hulu Terengganu Berhad berbakti pada tanah mula menampakkan hasilnya apabila berjaya meraih pendapatan RM15,000 menerusi hasil projek tanaman timun.

Pengerusi Koperasi PVATM Cawangan Hulu Terengganu, Mejar (B) Mat Isa Hassan berkata, projek pertanian di tanah seluas dua hektar itu bertujuan meningkatkan pendapatan 56 ahlinya yang terdiri daripada bekas askar.

"Hasil tanaman timun yang mula dituai pada 6 Februari lalu itu mengeluarkan hasil enam tan dan dijangka boleh mencecah 10 tan pada akhir musimnya.

"Selain menjual secara runcit kepada penduduk setempat, kita juga memasarkan timun tersebut kepada pemborong dan peniaga pasar dan kedai runcit," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Kampung Bukit Tokbat, di sini semalam.

Mat Isa berkata, pihaknya mengambil pengajaran kegagalan projek-projek pertanian jangka pendek yang pernah diusahakan sebelum ini.

Jelas beliau, sebahagian daripada kebun timun yang diusahakan mereka musnah dalam kejadian banjir besar pada Februari tahun lalu.

"Pengalaman pahit itu menjadi pengajaran besar kepada kami dalam mengatur projek pertanian selepas itu.

"Oleh kerana tanah dimiliki kami turut terdedah banjir, kami merancang projek pertanian jangka pendek yang tidak memakan masa lama untuk mengeluarkan hasil," katanya.

Mat Isa berkata, selepas ini, Koperasi PVATM Cawangan Hulu Terengganu merancang untuk memaksimumkan keseluruhan tiga hektar tanah dimiliki dengan mengusahakan tanaman terung dan keledek pula.



**SEBAHAGIAN ahli Koperasi PVATM Cawangan Hulu Terengganu mengutip hasil timun yang dituai di Kampung Tokbat, Hulu Terengganu semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

# Utamakan keterjaminan makanan

**PUTRAJAYA:** Kerajaan perlu meletakkan keutamaan isu keterjaminan makanan dengan menyediakan peruntukan tertinggi dalam Belanjawan 2023 yang dijadualkan esok.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, ahli ekonomi Kenanga Investment Bank Berhad, Afiq Asyraf Syazwan Abd. Rahim berkata, dengan peningkatan kos makanan dan perkhidmatan penting lain ketika ini, ramai rakyat berjuang untuk memenuhi keperluan hidup.

Kata beliau, merujuk kepada laporan tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) 2021 pula, isi rumah B40 membelanjakan secara relatifnya untuk makanan merangkumi 35 peratus daripada perbelanjaan penggunaan bulanan mereka.

"Ini berbanding isi rumah M40 yang memperuntukkan sebanyak 30 peratus daripada perbelanjaan bulanan mereka dan T20 pula 23 peratus," katanya di sini semalam.



AFIQ ASYRAF SYAZWAN ABD. RAHIM

Afiq Asyraf berkata, menangani krisis kos sara hidup yang semakin meningkat memerlukan pendekatan pelbagai aspek, salah satu langkah pertama yang boleh diambil kerajaan ialah mengurangkan kebergantungan negara terhadap import makanan.

Beliau berkata, tindakan kerajaan terus bergantung kepada makanan import boleh meningkatkan kos akhir makanan kerana ia terdedah kepada isu rantaian bekalan, peningkatan kos logistik serta turun naik dalam komoditi dan kadar pertukaran wang.

Justeru katanya, kerajaan harus memperuntukkan lebih banyak dana kepada sektor pertanian dan memberi insentif kepada petani tempatan untuk meningkatkan pengeluaran.

"Ini bukan sahaja akan mengurangkan kos makanan, tetapi juga menyokong perniagaan tempatan dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan," katanya.

Selain itu beliau berkata, kerajaan juga perlu berusaha mengukuhkan ringgit kepada nilai wajar jangka panjang sekitar RM3.85 berbanding dolar, iaitu 15 peratus premium daripada nilai ringgit semasa, kerana kedudukan ringgit yang lemah boleh menyebabkan harga lebih tinggi untuk bahan import.

Beliau turut mencadangkan satu lagi tindakan penting dalam menangani krisis kos sara hidup berterusan ialah meningkatkan hasil dan mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu dengan menghentikan subsidi secara berperingkat.

Jelasnya, subsidi boleh menyebabkan ketidakcekapan dalam ekonomi dan dengan menghapuskannya secara beransur-ansur, kerajaan boleh mengalihkan dana kepada inisiatif lain seperti program perlindungan sosial (contohnya pemindahan tunai) yang akan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

"Memandangkan punca utama situasi tidak selamat jaminan makanan adalah berkaitan pendapatan rendah, maka peningkatan kadar gaji amat penting dalam menjadikan kehidupan lebih mampu untuk rakyat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | BERITA HARIAN | KOMENTAR | 11 |

# Tumpu agenda hijau antara strategi jamin sekuriti makanan



Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Oleh Dr Maizatulakma Abdullah
bhrencana@bh.com.my

**Seluruh** negara di dunia kini berada dalam fasa pemulihan selepas dilanda pandemik COVID-19. Dalam tempoh ini, sekuriti makanan adalah antara cabaran terbesar dihadapi seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada import, kerajaan sebelum ini mengumumkan dasar akan terus memperkasa agenda sekuriti makanan negara menerusi pembangunan sektor pertanian.

Dalam keghairahan membangunkan dan memodenkan projek pertanian, kerajaan digesa untuk tidak melupakan agenda hijau. Sektor pertanian perlu bergerak seiring dengan peralihan global ke arah amalan pertanian lestari.

Setiap perancangan dan program membabitkan pertanian perlu mengambil kira kesejahteraan sistem ekologi dan biodiversiti. Bermaksud, kerajaan perlu memastikan aktiviti penebangan hutan dikawal dengan penuh disiplin, tiada penerokaan tanah besar-besaran atau pencemaran sumber air, udara dan tanah pada setiap peringkat pertanian. Penggunaan bahan kimia beracun dan pembakaran terbuka juga perlu dielakkan.

Jika sumber alam rosak dan tercemar, usaha negara merealisasikan sekuriti makanan jangka panjang akan sukar dicapai. Hasrat untuk mencapai pertumbuhan ekonomi mampan juga tidak akan menjadi kenyataan.

Alam sekitar yang rosak dan tercemar akan meningkatkan pelbagai risiko bencana alam hingga boleh menggugat kestabilan ekonomi negara.

Misalnya, pembukaan kebun sayur-sayuran dekat Gua Musang dikatakan mengganggu ekosistem dan biodiversiti setempat. Sisa baja dialirkan ke sungai berdekatan sehingga menyebabkan sumber air penduduk sekitar terjejas.

Penebangan hutan tanpa kawalan juga menyebabkan hakisan tanah dan banjir besar berlaku. Akhirnya, kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja besar bagi memulih kembali kawasan terkesan akibat bencana. Bukan itu sahaja, keluaran pertanian tidak berteraskan mesra alam sekitar lazimnya sukar dikomersialkan, terutama ke peringkat antarabangsa.

## Sektor pertanian lebih lestari

Justeru, kerajaan perlu memastikan peruntukan Belanjawan 2023 tidak hanya digunakan untuk memodenkan sektor pertanian dengan pelbagai teknologi pintar, tetapi turut melakukan transformasi sektor pertanian ke arah lebih lestari secara holistik.



Antara usaha boleh dilakukan adalah memastikan program pendidikan atau latihan berkenaan amalan pertanian lestari dilaksanakan secara inklusif. Dalam hal ini, kerajaan perlu memastikan program seumpama ini dapat diakses semua pihak terbabit dalam sektor pertanian, sama ada berskala kecil atau besar, sama ada di bandar atau desa.

Program pensijilan seperti skim pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) perlu diperkukuhkan supaya timbul kesedaran pada semua peringkat mengenai pertanian lestari. Skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) menjadi bukti ia berjaya dilaksanakan dalam industri sawit secara inklusif, merangkumi peladang besar dan pekebun kecil. Langkah sama perlu dilaksanakan dalam semua subsektor pertanian.

Pihak kerajaan perlu menjadikan kelestarian alam sekitar sebagai antara satu petunjuk prestasi utama (KPI) petani.

KPI ini perlu diambil kira untuk menilai dalam proses membuat keputusan pemberian dana pembiayaan. Petani yang mendapat dana juga perlu dinilai prestasi dalam tempoh tertentu bagi memastikan dana diberi benar-benar berimpak.

Kerajaan juga perlu melakukan reformasi tadbir urus dalam sektor dan struktur tertentu supaya kelemahan penguatkuasaan undang-undang berkaitan pencemaran alam sekitar dapat diatasi.

Meskipun Malaysia mempunyai undang-undang melindungi alam sekitar ampuh seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pencemaran alam masih berlaku, menunjukkan penguatkuasaan undang-undang perlu ditambah baik.

Diharap peruntukan besar ke atas sektor pertanian pada 2023 bukan sahaja dapat menjamin bekalan makanan negara dalam jangka panjang tetapi juga memacu agenda hijau supaya pertumbuhan ekonomi mampan dapat dicapai.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 26 |

# Kebun bandar disiplinkan murid

## Inisiatif SK Jalan Ayer Panas berjaya bentuk peribadi murid dan jana pulangan berganda

KUALA LUMPUR

Pendekatan di luar kotak Sekolah Kebangsaan (SK) Jalan Ayer Panas di sini memperkenalkan program kebun dalam bandar, dikenali sebagai Cityfarm, untuk mendisiplinkan pelajar, memberikan pulangan berkali ganda kepada institusi itu.

Selain berjaya merungkai isu disiplin murid, terutama datang lewat ke sekolah, program itu turut menjadi pengenalan sekolah yang kini dirujuk oleh pelbagai institusi, susulan kejayaannya melaksanakan tanaman tembikai wangi secara fertigasi.

"Cityfarm umpama serampang dua mata. Ia mendidik pelajar tentang disiplin dan pertanian. Program ini juga berjaya menarik minat ibu bapa dan komuniti setempat untuk terlibat sama.

"Secara tidak langsung, aktiviti ini juga menjana pendapatan sekolah hasil jualan tanaman dan fi perundingan pada mana-mana organisasi yang mendapatkan bimbingan kami," kongsi Ibrahim Ismail, guru yang bertanggungjawab memulakan inisiatif Cityfarm itu kepada *Bernama*.

Terletak kira-kira 10 kilometer dari Menara Kembar Petronas, SK Jalan Ayer Panas di Setapak, menampung keperluan pendidikan rendah kanak-kanak B40 yang mendiami beberapa Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan berkenaan.

Menurut guru besar sekolah terbabit, Rozalina Razali, pada masa ini terdapat kira-kira 700 murid di sekolah itu dengan kebanyakannya adalah daripada keluarga B40.

"Dari segi pencapaian akademik, kami mungkin tidak dapat menandingi sekolah lain di ibu negara. Namun kami bangga, kerana kini apabila disebut SK Jalan Ayer Panas, orang akan ingat kebun.

"Jika seseorang murid itu tiba di sekolah pada jam 7.28 pagi sesi pembelajaran bermula 7.30 pagi, kami anggap hukuman berbentuk pengajaran itu berjaya mendisiplinkan murid tersebut," ujar Rozalina.

Bercerita tentang idea berkebun, jelas Ibrahim, selaku guru disiplin ketika itu, beliau buntu memikirkan cara terbaik untuk mengubah situasi berkenaan.

"Ketika dipindahkan ke sekolah ini pada tahun 2015, saya agak terkesima dengan isu disiplin, terutama dari segi kehadiran lewat. Saya tidak mahu ia sekadar bersifat hukuman tetapi boleh menaikkan semangat mereka ke sekolah.

"Dari situlah timbulnya idea untuk memberi hukuman berbentuk pengajaran kepada pelajar dengan berkebun. Alhamdulillah, cadangan saya mendapat sokongan penuh daripada guru besar dan pihak sekolah," katanya.

> "Saya tidak mahu ia sekadar bersifat hukuman sebaliknya ia boleh menaikkan semangat mereka ke sekolah."

Dilaksanakan sejak tahun 2016, pada peringkat awal program itu dikenali sebagai *Don't Be Late* atau ringkasnya *Donbel* iaitu murid yang datang lewat akan 'dihukum' ke kebun sebelum sesi pembelajaran bermula.

"Peringkat awal mereka tidak suka tetapi lama-kelamaan, apabila tanaman mula mengeluarkan hasil, mereka jadi seronok," kata Ibrahim yang sudah 26 tahun berkhidmat sebagai pendidik.

Menurut guru Bahasa Melayu itu, mereka memulakan projek tersebut dengan tanaman timun secara fertigasi sebanyak 75 polibeg.

Mereka turut mendapat khidmat nasihat daripada KMK Agro Global Sdn Bhd, Jabatan Pertanian Putrajaya serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), bagi memulakan penanaman tembikai wangi secara fertigasi melalui dana yang disumbangkan oleh Edana Delight Bakery.

"Kami mula menanam tembikai wangi pada penghujung tahun 2019 sebanyak 200 pokok. Kini, kami mempunyai sekitar 350 pokok yang ditanam di atas kawasan seluas 30x80 kaki persegi," katanya menambah, penanaman tembikai wangi diselang-seli dengan tanaman lain seperti timun, peria dan kacang panjang.

Setiap kali tuaian, pihaknya mampu mengutip sekitar 600 kilogram tembikai wangi.

Kejayaan SK Jalan Ayer Panas mengusahakan penanaman fertigasi mendapat perhatian pelbagai organisasi.

Setakat ini, sekolah tersebut telah membimbing SK Setiawangsa, SK Seri Bonus, SK Kampung Batu dan Sekolah Menengah Telok Panglima Garang, selain PPR Gombak, Pusat Wanita Berdaya Ampang dan Akademi Bomba Malaysia.

"Kini, kami memberi khidmat perundingan kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Gombak untuk menjalankan projek tembikai wangi secara fertigasi," katanya.

Lebih membanggakan, projek Cityfarm SK Jalan Ayer Panas diiktiraf oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Kebun Kejiranan Bandar di bawah Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21 KL).

Menurut Ibrahim, Cityfarm SK Jalan Ayer Panas sentiasa mengambil bahagian dalam karnival yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi. Ini termasuklah KL Festival Park di Tasik Titiwangsa yang akan berlangsung dari 4 hingga 11 Mac ini.



Ibrahim ialah guru yang bertanggungjawab memperkenalkan program berkebun di SK Jalan Ayer Panas.



Projek kebun bandar SK Jalan Ayer Panas diiktiraf oleh DBKL sebagai Kebun Kejiranan Bandar di bawah Local Agenda 21 Kuala Lumpur.




Setiap kali tuaian, sebanyak 600 kilogram tembikai wangi berjaya dikutip.



Pelajar SK Ayer Panas memeriksa tanaman mereka.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/2/2023 | KOSMO | K2 | 19 |




# Ladang vanila pintar

LADANG vanila di Kubang Semang, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang yang diusahakan beberapa anak muda ini mencipta sejarah tersendiri apabila tercatat dalam *Malaysia Book of Records* sebagai ladang vanila pintar pertama di negara ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | KOSMO | K2 | 20 |



Rencana Utama

Oleh
NORUL AKMA MOHD ZAIN



EZRA (duduk) dan Nurul Fadhilah menunjukkan tanaman vanila yang diusahakan di Kubang Semang, Butterworth, Pulau Pinang baru-baru ini.

# Ladang vanila dengan Teknologi Pertanian 4.0

TIADA siapa menyangka bahawa kawasan tanah lapang terpinggir seluas enam ekar (2.4 hektar) dekat Kubang Semang di daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang suatu ketika dahulu kini telah menjadi salah satu daya tarikan baharu di negeri ini.

Kawasan itu telah dibangunkan dengan aktiviti penanaman vanila dan ladang tersebut telah mencipta sejarah tersendiri apabila tercatat dalam *Malaysia Book of Records* sebagai ladang vanila pintar pertama di Malaysia, dengan pulangan yang dianggarkan lebih RM1 juta setahun.

Mula diusahakan pada tahun 2020, kebun yang diusahakan secara teknologi pintar itu juga semakin berkembang dengan pembukaan sebuah kafe vanila di dalam ladang itu.

Dibangunkan oleh beberapa anak muda sebagai tonggaknya, hingga kini, terdapat belasan ribu pokok vanila yang ditanam di ladang itu.

Pengerusi Kairos Agriculture, Ezra Tan, 35, berkata, ketika awal pembukaan kafe berkenaan pada tahun 2021, keadaan tidak serancak sekarang berikutan negara sedang berdepan cabaran pandemik Covid-19.

"Sebelum ini, kita terikat dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jadi sebarang aktiviti operasi perniagaan mahupun perladangan terpaksa ditangguhkan beberapa kali.

"Justeru, boleh dikatakan kafe kami beroperasi secara penuh pada awal tahun ini. Malah, aktiviti pertanian di ladang vanila (yang terlebih dahulu diusahakan pada tahun 2020) pula digiatkan dengan lebih serius dan sehingga kini pokok vanila yang ditanam hampir mencecah 15,000 pokok," katanya ketika ditemui K2 di kafe ladang vanila tersebut baru-baru ini.

Menurutnya, ladang vanila pintar itu menggunakan Teknologi Pertanian 4.0 meliputi teknologi benda (IoT), kecerdasan buatan (AI), penggunaan data raya serta pembelajaran mesin dan sistem dron.

"Cetusan idea bagi mengusahakan ladang vanila ini sebenarnya adalah untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat tempatan khususnya mengenai penanaman vanila.

"Selain itu, kita juga ingin merancakkan ekonomi tempatan dengan mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pertanian.

"Malah, selaras dengan peredaran zaman, teknik tanaman ini juga mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja dari luar selain ingin menyelesaikan masalah kekurangan bekalan makanan," katanya.

Menurutnya, penanaman vanila diusahakan di dalam 40 buah rumah hijau yang dilengkapi teknologi IoT, dengan anggaran sebanyak lebih 300 pokok bagi setiap satu rumah hijau.

Jelasnya, rumah hijau itu dilengkapi teknologi IoT yang mampu bertindak mengawal kelembapan suhu secara automatik.

"Kita juga menggunakan spektrum cahaya LED yang boleh meningkatkan hasil tanaman, meningkatkan kitaran pertumbuhan tanaman dan meningkatkan pendapatan ekonomi.

"Teknologi sistem gelombang bunyi dengan frekuensi dan tahap tekanan bunyi yang berbeza di bawah rumah hijau boleh merangsang peningkatan output dengan ketara dan boleh menguatkan sistem imun tumbuhan," terangnya.

Ezra berkata, pihaknya menyasarkan untuk mengeksport vanila mereka dengan eksport utama adalah ke negara Jepun dan Singapura.

"Malah, kami optimis untuk memasarkan produk vanila hingga ke negara Amerika Syarikat (AS) dalam tahun ini juga yang kini masih dalam perancangan, selain ingin mengembangkan produk vanila kepada coklat (berasaskan vanila) yang masih dalam kajian dan penyelidikan," katanya lagi.

Menurut Ezra, selain mengusahakan tanaman vanila, pihaknya turut mengusahakan beberapa tanaman lain termasuk bayam brazil yang ditanam secara akuaponik, tanaman buah markisa serta beberapa jenis tanaman



EZRA (tiga dari kiri) bersama anak-anak muda yang menjadi tonggak Kairos Agriculture.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/2/2023 | KOSMO | K2 | 21 |

**INFO**

**Ladang vanila pintar**

- Dilengkapi dengan teknologi benda (IoT) yang mampu bertindak mengawal kelembapan suhu secara automatik dengan menggunakan tenaga kerja manusia yang terhad
- Di Kairos Agriculture, terdapat 40 buah rumah hijau yang mengandungi lebih 300 pokok vanila
- Sasar menembusi pasaran luar seperti Jepun dan Singapura yang merupakan negara eksport utama
- Nilai pasaran vanila dianggarkan berharga RM1,500 sehingga RM1,800 sekilogram

herba yang lain termasuk sacha inchi.

"Kalau boleh kami nak manfaatkan tanah ini dengan sebanyak tanaman yang boleh memberikan pulangan yang baik bukan sahaja untuk kami, malah penduduk setempat juga," katanya.

Menceritakan cara pengurusan pokok-pokok vanila, Ezra berkata, cara penjagaannya tidaklah serumit yang disangka disebabkan ia adalah tanaman yang mudah beradaptasi dengan cuaca tropika.

"Pokok vanila yang sudah matang dianggarkan mencecah sehingga umur tiga tahun dan setiap setahun kemudiannya kita sudah boleh menuai hasil vanila itu sendiri.

"Selain itu, bagi memastikan vanila yang diusahakan mencapai kualiti terbaik, pihak kami turut menjalinkan kerjasama dengan pihak Universiti Sains Malaysia (USM) dan University Xiamen Malaysia dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D)," jelasnya yang mempunyai lima pekerja tempatan yang mengendalikan ladang tersebut.

Katanya lagi, nilai pasaran untuk sekilogram vanila adalah antara RM1,500 sehingga RM1,800 yang dilihat mempunyai peluang pasaran yang cerah.

"Dalam usaha mengembangkan hasil tanaman vanila, kami turut menggunakan hasil tanaman vanila di kafe untuk menghasilkan beberapa minuman kopi berasaskan vanila secara premium serta beberapa makanan Barat



SELAIN vanila, turut diusahakan di rumah hijau berteknologi tinggi itu tanaman-tanaman lain seperti bayam brazil.




ANTARA kaedah-kaedah penanaman yang dipraktikkan.




EZRA bersama sebahagian menu makanan dan minuman di Vanilla Cafe by Kairos.

yang menggunakan sayuran segar dari ladang kami sendiri.

"Kami juga menawarkan pakej melawat sekeliling ladang vanila yang terbuka kepada orang ramai. Kami sering menerima tempahan dari pihak sekolah dan juga institusi pendidikan tinggi tempatan untuk tujuan pendidikan.

"Bukan saja pengunjung boleh melihat ladang vanila yang diusahakan secara lebih dekat, malah mereka juga berpeluang menikmati hidangan makanan dan minuman kopi vanila yang berciri terbuka dan santai," katanya yang kini sedang menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana dalam bidang perniagaan.

Ditanya mengenai cabaran dihadapi sepanjang berkecimpung dalam industri pertanian dan perladangan, Ezra berkata, bohonglah jika tidak pernah melalui fasa duka apabila beberapa pelabur bertindak menarik diri berikutan pandemik Covid-19.

"Memang terduduk dan terkejut, namun saya sering mengingatkan diri dan pasukan untuk kekal positif selain percaya bahawa Tuhan akan sentiasa membantu dengan membuka pintu rezeki yang tidak kita jangka.

"Dipendekkan cerita, pada bulan Julai 2020, kami berjaya mendapat pelabur dari Singapura seterusnya beberapa pelabur dari negara lain yang berminat dengan vanila kita. Itulah pemangkin semangat kami untuk terus berusaha sehabis baik sehingga kini," katanya.

Selain Ezra, dia turut mempunyai pasukan pengurusan yang terdiri daripada barisan lima anak muda berusia lingkungan 23 hingga 33 tahun yang sama-sama mencurah idea baharu dan menggembeleng tenaga bagi memastikan potensi ladang vanila dapat dikembangkan ke pasaran luas.

Mereka terdiri daripada Jay Tan, 32, dan Jason Ooi, 32, yang merupakan Pengarah Kairos Agriculture; John Tan, 23, selaku Pengurus The Vanilla Cafe by Kairos; Joseph Chan, 27, yang berperanan sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO) Kairos Agriculture dan Nurul Fadhilah Rudzuwan, 26, sebagai Eksekutif Lawatan (Promosi) Kairos Agriculture.

# Seronok timba pengalaman kerja di ladang sofistikated

PELUANG bekerja di ladang vanila bukanlah suatu yang mudah diperoleh dan itulah yang dirasakan para pekerja di Kairos Agriculture.

Seorang pekerja ladang Kairos Agriculture, Fatin Nur Syazlin Mohd. Rosli, 24, berkata, pengalaman menceburkan diri dalam penanaman vanila adalah satu pengalaman menarik serta lain daripada kebiasaan graduan.

"Selalunya selepas tamat latihan industri, kebanyakan graduan jurusan Sains Agrotek akan memilih sektor perladangan lazim seperti tanaman cili, terung, bayam dan sebagainya.

"Namun, saya memilih membuat latihan industri tanaman vanila di Kairos Agriculture kerana memikirkan pengalaman yang bakal ditimba di ladang tersebut memandangkan vanila adalah tanaman herba kedua termahal di dunia selepas safron.

"Selepas tamat latihan industri selama enam bulan iaitu sejak Mac 2022 sehingga Ogos, akhirnya saya diserap sebagai pekerja di sini.

"Saya rasa bertuah kerana dapat berpeluang bekerja di dalam rumah hijau yang dilengkapi teknologi sofistikated," katanya yang merupakan graduan Universiti Malaysia Terengganu.

Sementara itu, seorang lagi pekerja eksekutif operasi, Nur Suraya Jamalullail, 23, berkata, bidang tugasan hariannya melibatkan penyeliaan keselamatan, mengurus tugasan pekerja ladang serta memastikan kondisi tanaman vanila sentiasa berada dalam keadaan terjamin.

"Seronok bekerja di sini kerana kami terdedah dengan pengalaman baharu contohnya dari segi kaedah penanaman, dan penjagaan yang sedikit berbeza daripada tanaman lazim lain," katanya.



NUR SURAYA (tengah) dan Fatin Nur Syazlin (kanan) ketika melakukan kerja-kerja pertanian bersama Ezra di ladang vanila.